

07 JUN 2003

Mahathir-Agong

KEJAYAAN TANGANI TEKANAN SELAMATKAN RAKYAT DRP BENCANA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kejayaan kerajaan menangani pelbagai tekanan ke atas negara telah berjaya menyelamatkan rakyat daripada pelbagai bencana.

Oleh itu kata beliau rakyat perlu yakin terhadap kebolehan negara menghadapi krisis.

"Namun ada segelintir daripada rakyat yang kurang percaya akan kebolehan kita dan menyertai orang asing memburuk-burukkan negara. Sikap golongan ini amat mengecewakan. Sesungguhnya kerajaan sanggup menghadapi apa jua cabaran dan masalah yang melanda negara," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap di majlis mengadap dan istiadat pengurniaan darjah-darjah kebesaran sempena ulang tahun keputeraan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata walaupun rakyat dapat melihat negara-negara yang bermasalah ditindas dan ditakluk, ramai juga yang sedang berusaha untuk memecah-belah dan melemahkan negara ini.

"Perlakuan mereka akan mengundang malapetaka bagi negara ini. Harapan kerajaan ialah supaya puak ini sedar akan kesan buruk daripada tindakan mereka dan hentikannya," kata beliau.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata kerajaan bersyukur kerana majoriti rakyat amat setia kepada negara.

"Anggota Kabinet serta pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yakin dengan sokongan rakyat di bawah naungan Tuanku, negara terus mencapai pertumbuhan dan kemajuan pesat.

"Sesungguhnya negara ini amat bertuah kerana di bawah naungan Tuanku, negara diberkati dengan keupayaan untuk menangani pelbagai cabaran dan rintangan," kata beliau.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Seri Paduka Baginda, Perdana Menteri berkata rakyat jelata juga amat menghargai kehadiran Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong pada acara-acara rasmi negara kerana ia menyemarak dan memupuk semangat perpaduan masyarakat negara ini.

Perdana Menteri turut menyentuh mengenai usaha sesetengah pihak menghalang pembekalan air dan elektrik serta pelupusan sampah kerana kononnya ia akan merosakkan alam sekitar memandangkan ianya adalah tuduhan yang tidak bertanggungjawab.

"Kita harus ingat bahawa orang asing yang menghasut sudahpun musnah persekitaran mereka supaya negara mereka dapat dibangunkan. Kini mereka ingin kekalkan taraf hidup yang rendah bagi kita dengan menyekat pembangunan negara kerana kepentingan persekitaran mereka," kata beliau.

Dr Mahathir juga menasihatkan rakyat agar menerima teknologi pelupusan sampah yang bersesuaian dengan sebuah negara membangun seperti Malaysia kerana kerajaan sudah tidak mampu lagi menyediakan kawasan pelupusan sampah terbuka.

Kaedah itu katanya akan mengakibatkan pencemaran dan keracunan air bawah tanah, selain menjadi tempat pembiakan kuman.

"Jika rakyat terus menolak sistem dan amalan pelupusan sampah yang diterima di negara maju, ianya akan menyulitkan usaha membersihkan persekitaran bagi kita mencegah penyakit," kata beliau.

Menyentuh perkembangan ekonomi negara, Dr Mahathir berkata langkah pro-aktif kerajaan memperkenalkan pakej baru untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara seperti yang diumumkan baru-baru ini dijangka dapat

menangani impak kelembapan ekonomi dunia.

Selain menumpukan kepada perniagaan kecil, beliau berkata kerajaan juga memberi tumpuan terhadap mempertingkatkan daya saing negara dengan memperkenalkan beberapa insentif untuk menggalakkan pelabur asing dan domestik.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga telah memperluaskan aktiviti ekonomi dengan membuka pasaran baru untuk barangan eksport negara terutama di kalangan negara Selatan Afrika, Amerika Selatan, negara-negara Arab serta wilayah Asia Barat.

Perdana Menteri juga turut menyarankan supaya pihak swasta di negara ini mengambil langkah menggunakan matawang Euro dalam urusan pengeksportan barangan memandangkan kemungkinan besar nilai Dolar Amerika akan merosot lagi.

Beliau bagaimanapun mengulangi bahawa kerajaan tidak berhasrat untuk menukar tambatan ringgit.

Mengakhiri ucapan beliau, Perdana Menteri sekali lagi memberi jaminan kepada Yang di-Pertuan Agong bahawa kerajaan akan memberi segala kerjasama dan sokongan kepada Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong selaras dengan kehendak Sistem Raja Berperlembagaan.

"Pada hari yang berbahagia dan penuh istiadat ini, kerajaan, pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam serta rakyat keseluruhannya dengan penuh hormat dan takzimnya mengucapkan Selamat Hari Keputeraan kepada Tuanku dan menyampaikan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Tuanku sebagai Raja yang memerintah dan juga kepada Raja Permaisuri Agong," kata beliau.

-- BERNAMA

NM NM ROS